

IQRA'


Bil. 2/2024
FEBRUARY



Usah Ragu Mengisi PADU



Majlis Apresiasi Sudut IQRA'
dan Persaraaan Staf



CAREER ODYSSEY MELAKA
FEST
@ MYFUTUREJOBS 2024



Kempen 1 Staf 1 Buku



Manuskrip Melayu Perimbangan
Tradisi Keilmuan
Raja-Raja Melayu



Lawatan Tanda Aras
Perpustakaan Dar
Al-Hikmah, UIA

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norflitrah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmalsari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Az Zahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

CAREER ODYSSEY MELAKA FEST @ MYFUTUREJOBS 2024

FEBRUARI 1, 2024



Telah berlangsung Program Career Odyssey Melaka Fest @ Myfuturejobs 2024 pada 13 & 14 Januari lalu. Program ini merupakan hasil kerjasama antara UiTM Cawangan Melaka, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, dan PERKESO bagi membantu golongan muda terutamanya graduan yang masih mencari pekerjaan. "Tahun baru, azam baru, semangat barul Kerja mana lagi? Kerja dekat Melaka lerrr.."

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka , Kampus Bandaraya Melaka.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

BENGKEL PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR) UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS ALOR GAJAH

FEBRUARI 2, 2024



(Isnin – Selasa) – PTAR UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Arkib, PTAR UiTM Cawangan Melaka dan merupakan siri yang pertama dijalankan pada tahun 2024. Bengkel PTBR ini akan di adakan di setiap kampus yang ada di UiTM Cawangan Melaka iaitu Alor Gajah, Bandaraya dan Jasin.

Bengkel ini telah disampaikan oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan dan dibantu oleh Encik Jonizam bin Abu Kasim dan Encik Muhamad Asri bin Abu Hashim, Pembantu Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka. Bengkel selama 2 hari ini telah dihadiri seramai 41 orang peserta yang merupakan wakil Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.



LAWATAN DARIPADA MAHASISWA INDONESIA (YOGYAKARTA & MAKASSAR)

FEBRUARI 6, 2024



2 Februari 2024: Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menerima pelawat daripada mahasiswa Indonesia (Yogyakarta dan Makassar). Mahasiswa ini daripada program pertukaran pelajar Antarabangsa Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dengan Universiti di Indonesia. Terima kasih kerana sudi datang ke Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

LAWATAN DARIPADA UNIT PUSAT SUMBER INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM) KAMPUS KOTA BHARU

FEBRUARI 13, 2024



Pada 13 Februari 2024, Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah menerima lawatan daripada Unit Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Kota Bharu seramai 5 orang staf unit tersebut. Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi ilmu terutamanya mengenai pengurusan perpustakaan khususnya dari aspek pengurusan koleksi bahan bacaan, perkhidmatan, sistem sirkulasi yang diaplikasikan di PTA dan lain-lain.

Lawatan ini dimulai dengan ucapan aluan daripada Puan Alina Hussein, Timbalan Ketua Pustakawan PTA dan diteruskan dengan taklimat perpustakaan dan arkib oleh Puan Norfitriah Mat Seman, taklimat koleksi bahan oleh Dr. Muslim Ismail dan taklimat sirkulasi oleh Puan Nordelina Zulkarnain, Pustakawan Kanan PTA.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

LAWATAN TANDA ARAS PERPUSTAKAAN DAR AL-HIKMAH, UIA

FEBRUARI 14, 2024



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) amat berbesar hati menerima kunjungan Perpustakaan Dar Al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada:

Tarikh: 14 Februari 2024 (Rabu)

Masa: 9:00 pagi – 1:00 petang

Tempat: Bilik Seminar, Jabatan Arkib Universiti (JAU)

Kumpulan pelawat seramai 26 orang terdiri daripada staf profesional dan staf sokongan berhasrat untuk menanda aras aktiviti pemuliharaan dan penjilidkan buku disamping penjagaan koleksi perpustakaan daripada masalah kulat dan serangga perosak.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

USAH RAGU MENGISI PADU

FEBRUARI 14, 2024



Akhirnya terjawab persoalan yang berlebaran seputar pengisian data peribadi rakyat Malaysia ke dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) apabila Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) mengundang Timbalan Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor Puan Wan Roslida Othman ke dalam program siaran langsung seperti berikut:

Tarikh: 14 Februari 2024 (Rabu)

Masa: 2:30 petang

Tempat: Ruang Media PTAR UiTM Shah Alam

Dengan jumlah tontonan sewaktu bersiaran berjumlah 749 jumlah tontonan di dalam talian dan bermuka menjadikan siaran langsung PADU: JANGAN RAGU berada di kedudukan kedua tertinggi buat masa ini.

Program yang diadakan secara hibrid adalah anjuran PTAR dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia negeri Selangor.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

MAJLIS APRESIASI SUDUT IQRA' DAN PERSARAAAN STAF

FEBRUARI 14, 2024



Para pemenang Pertandingan Sudut IQRA' 2023, barisan pesara dan bakal pesara telah diraikan dalam Majlis Apresiasi Sudut IQRA' & Persaraan Staf pada 16 Februari 2024 hari Jumaat.

Majlis yang diadakan di ruang Library Community Engagement, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah dihadiri hampir seratus orang hadirin yang terdiri daripada ketua dan wakil Pusat Tanggungjawab (PTJ), pesara dan bakal pesara serta staf PTAR.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

PROGRAM BICARA ILMU: MASJID AL-AQSA UNTUK SEMUA UMAT ISLAM (PERANTARA PERJALANAN ISRAK MIKRAJ DAN KEPENTINGANNYA)

FEBRUARI 5, 2024



Bertempat di Ruang Library Community Engagement (LCE), PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh telah berlangsung Program Bicara Ilmu oleh Ustaz Manis sempena meraikan sambutan peristiwa Israh Mikraj. Program ini juga dijalankan secara langsung menerusi Facebook PTARUiTMCPP dan disertai oleh 109 penonton di LCE daripada Rumah Ngaji Pulau Pinang, pelajar-pelajar Mutawif serta staf UiTM.

Antara perkongsian yang telah disampaikan selama 2 jam ini adalah mengenai sejarah pencabulan Palestin oleh Israel sejak 75 tahun yang lalu disamping peranan umat Islam di dunia untuk memberi perhatian kepada Palestin kerana ia merupakan tanah yang diberkati dan menjadi naungan seluruh umat Islam.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

MANUSKRIPT MELAYU PERLAMBANGAN TRADISI KEILMUAN RAJA-RAJA MELAYU

FEBRUARI 23, 2024



Dirasakan masa bergerak amat pantas apabila membicarakan mengenai pemeliharaan manuskrip diraja bersama Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu.

Manakan tidak, banyak persoalan sekitar Manuskrip Melayu telah dilontarkan oleh penonton dalam talian yang mencecah hampir 800 jumlah penonton ketika bersiaran.

Malah, istilah 'manuskrip' sendiri adalah perlambangan sesuatu yang amat bernilai dan bukti jelas tahap ketamaduan sesuatu bangsa di masa lampau yang seharusnya dipulihara serta dipelihara buat rujukan generasi yang akan datang.

Dalam hal ini, perkongsian ilmu oleh Encik Abdul Rahman Muhammad Shariff menerusi program Bicara Pakar baru-baru ini boleh dijadikan panduan berguna buat golongan pencinta manuskrip.

Lazimnya, 99% manuskrip Melayu ditulis di atas kertas yang mudah terdedah kepada ancaman serangga dan persekitaran yang tidak kondusif. Justeru mengetahui kaedah penjagaan yang betul seperti penetapan suhu di bawah 20 derjah celcius amat perlu untuk memastikan jangka hayat bahan lebih lama.

Ramai orang tidak mengetahui naskah buku atau helaian atau objek yang dimiliki sebenarnya tergolong sebagai bahan manuskrip. Hal ini mungkin berpunca daripada ketidakpastian sumber untuk dirujuk. Justeru, orang ramai amat dialu-alukan untuk menghubungi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu yang telah wujud sejak tahun 1985 untuk mendapat khidmat nasihat dan panduan berkeraan bahan manuskrip dimiliki.

Manuskrip Diraja seperti MSS 2141 dan MS 488 amat menarik untuk dikaji dengan lebih mendalam. Kisah di sebalik perutusan surat dan penerbitan lain-lain manuskrip amat wajar diteliti, didokumenkan dan 'dikisahkan' dari mulut ke mulut agar diteladani hikmah disebalik sesuatu peristiwa lampau.

Bicara Pakar adalah program kolaborasi antara Kursi Institusi Raja-Raja Melayu dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) yang mengundang pakar-pakar tempatan untuk mengupas topik berkaitan Kesultanan Melayu dan sosiobudaya.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

LAWATAN MOCK AUDIT AKREDITASI ENGINEERING @PKEJ

FEBRUARI 22, 2024



Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan telah menerima satu Lawatan Panel Mock Akreditasi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (EC220), Kolej Pengajian Kejuruteraan.

Dalam sesi lawatan ini, seramai dua orang panel auditor dan empat orang pegawai pengiring telah hadir untuk menjalankan sesi audit berkenaan yang berlangsung dari Pukul 11.30 Pagi hingga Pukul 12.30 Tengah hari.

Pihak auditor berpuas hati dengan kebersihan, kemudahan dan keselamatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Pihak kami sangat berbesar hati dengan maklum balas yang diberikan dan bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik pada masa akan datang untuk warga Kolej Pengajian Kejuruteraan.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

SESI LIBAT URUS PTAR BERSAMA AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)

FEBRUARI 22, 2024



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah mengadakan Sesi Libat Urus PTAR bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka. Program ini telah dijalankan secara bersempena bermula 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Program ini telah dihadiri oleh Dr. Dziauddin Sharif, Ketua Pusat Pengajian, Encik Mohamad Shafie Ayub, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, bersama 6 orang staf Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka.

Objektif Sesi Libat Urus ini adalah :

1. Menjalinkan hubungan baik dan kerjasama di antara PTAR dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka
2. Mempromosikan perkhidmatan PTAR UiTM Cawangan Melaka.
3. Membincangkan dan mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan.
4. Perbincangan dua hala kerjasama antara PTAR dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

BENGKEL PELAPORAN SASARAN KERJA TAHUNAN (HR2U)


FEBRUARI 18, 2024



بیشکیل BENGKEL PELAPORAN SASARAN KERJA TAHUNAN (HR2U)

18 FEBRUARI 2024 (AHAD)
BILIK IT PTA

PORTAL PUSAT
<http://velantara.library.uitm.edu.my/>



Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah menganjurkan Bengkel Pelaporan Sasaran Kerja Tahunan (HR2U) pada 18 Februari 2024 (Ahad) bertempat di Bilik IT, PTA. Bengkel ini bermula jam 9:30 pagi sehingga 4:30 petang melibatkan semua staf PTA UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang dan juga Kampus Kota Bharu.

Penceramah bagi bengkel ini adalah Puan Norfitriah Mat Seman, Pustakawan Kanan PTA. Bengkel ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan bagi memperkasakan pelaporan sasaran tahunan dengan betul dan seiring dengan deskripsi tugas setiap staf di Perpustakaan Tengku Anis (PTA).



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

KEMPEN 1 STAF 1 BUKU

FEBRUARI 27, 2024



27 Februari 2024 (selasa) – Merealisasikan saranan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah menganjurkan Kempen "1 Staf 1 Buku" bertempat di Bangunan Perdana, Bangunan Ilmuan dan Kolej Kediaman UiTMCT Kampus Bukit Besi. Kempen ini dimulai dengan menyasarkan staf pentadbiran termasuk staf profesional dan staf pelaksana dengan menerapkan objektif utama iaitu memupuk semula budaya membaca yang kian tenggelam dek arus pemodenan teknologi serta bertepatan dengan tagline baharu Perpustakaan UiTM iaitu "Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa".

Penganjuran kempen ini sekali lagi dijayakan dengan kolaborasi bersama Perpustakaan Desa Bukit Besi, mendapat sambutan yang memberangsangkan dari kalangan warga UiTM ini. Pinjaman berkelompok dari Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun juga banyak membantu dalam memenuhi keperluan semasa warga kampus yang dahagakan bahan-bahan terbaharu terutamanya novel-novel yang viral dan penulis yang terkenal. Ekoran kekangan masa dan komitmen masing-masing di pejabat menyukarkan untuk datang secara fizikal ke perpustakaan. Jadi, kali ini perpustakaan cuba memperkasakan kempen yang dilibarkan sebagai "Perpustakaan Bergerak" ini bagi memenuhi permintaan staf untuk mendapatkan buku yang dikehendakinya. Perpustakaan juga membuka peluang kepada staf untuk mencadangkan buku-buku lain untuk dibekalkan pada bulan hadapan.



KURSUS PENGURUSAN REKOD DAN DOKUMEN TERPERINGKAT UITM CAWANGAN PERAK

FEBRUARI 20, 2024



20 & 21 Februari 2024: Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menganjurkan Kursus Pengurusan Rekod dan Dokumen Terperingkat UiTM Cawangan Perak. Kursus ini telah diadakan di Dewan Al-Khawarizmi, UiTM Cawangan Perak dan disertai oleh Pegawai Rekod Jabatan (PRJ), Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ), Pendaftar Rahsia dan Pegawai Pengelas Bahagian dan unit di UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dan Tapah.

Penceramah jemputan bagi kursus ini adalah Encik Abdul Razak Bin Abdul Rahman (Pustakawan Kanan) Ketua Unit Perkhidmatan Rekod, Jabatan Arkib Universiti, PTAR UiTM Shah Alam serta fasilitator Encik Muhamad Shazwan Bin Muhamad Noor (Pembantu Arkib), Jabatan Arkib Universiti, PTAR UiTM Shah Alam.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

LAWATAN PENANDAARASAN DARI KOLEJ VOKASIONAL IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

FEBRUARI 27, 2024



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menerima kunjungan dari Kolej Vokasional Ipoh yang diketuai oleh Puan Zaiton binti Aniyah (ketua Jabatan Teknologi Awam) bersama 4 orang staf. Lawatan ini bertujuan untuk penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan di Pusat Sumber Kolej Vokasional Ipoh.

Taklimat perpustakaan telah disampaikan oleh Puan Nur Aqilah binti Russli, (Pustakawan Kanan) Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak yang menerangkan perkara perkara berkaitan perkhidmatan perpustakaan, kemudahan yang disediakan kepada secara fizikal mahupun atas talian dan pelbagai jenis koleksi yang disediakan seperti Koleksi Perak dan lain lain. Perbincangan dua hala turut berlangsung sepanjang lawatan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna khususnya warga UiTM Cawangan Perak. Lawatan ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama pelawat.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

PROGRAM RETREAT DAN PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UITM CAWANGAN SARAWAK 2024

FEBRUARI 27, 2024



PROGRAM RETREAT DAN PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (UITM) CAWANGAN SARAWAK

29 FEBRUARI 2024 (HARI KE 4) | PTAR, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2

Hari keempat (4) berlangsungnya Program Retreat dan perancangan Strategik Bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak. Bengkel ini adalah bertujuan untuk merangka pelan dan aktiviti susulan bagi mencapai Perancangan Strategik, KPI dan PI yang ditetapkan oleh pihak pengurusan perpustakaan UiTM bagi mencapai perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024.

Bengkel telah dihadiri oleh semua staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak termasuk PTAR Kampus Mukah.




BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

TAKLIMAT PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD

FEBRUARI 29, 2024



Unit Arkib Cawangan (UAC) Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan telah menjalankan Taklimat Pelan Tindakan Bencana Rekod pada 29 Februari 2024 (khamis) bertempat di Bilik Seminar PTA. Taklimat ini melibatkan semua staf unit arkib PTA dan staf PTA. Turut hadir bersama Puan Alina Hussein, Timbalan Ketua Pustakawan PTA yang merupakan Ketua Unit Arkib. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Waqiyuddin Mohd Dzulkifly dan Encik Mohd Ridzuan Ramli, Pembantu Pustakawan Kanan.

Tujuan taklimat ini adalah:

1. Memberi penerangan terperinci mengenai tugas serta fungsi UAC kepada semua PTJ di setiap kampus
2. Memberi tunjuk ajar mengenai pengurusan rekod kepada semua
3. Memperluaskan perkhidmatan UAC mengenai pelupusan bahan, penyerahan rekod penting, klasifikasi fail serta sistem OFA kepada semua
4. Membuat pengauditan pengurusan rekod di setiap bahagian



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my